

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

KKM umum unjuran terbaharu wabak hari ini

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengeluarkan unjuran terbaharu mengenai penularan COVID-19 di negara ini, berlandaskan data diperoleh dalam tempoh sebulan lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata unjuran itu bakal memberikan lebih maklumat kepada KKM dalam merangka strategi kawalan penularan jangkitan wabak terbabit untuk masa akan datang.

“Mungkin esok (hari ini) kita akan kongsi permodelan un-

tuk melihat kepada jangkakan di mana Malaysia pada sebulan lalu, kini dan akan datang.

“Yang babitkan warga negara, kita dapati mereka patuh kepada prosedur operasi standard (SOP), bermakna ‘*R naught*’ (kebolehjangkitan) untuk rakyat Malaysia adalah kurang daripada 0.3 peratus.

“Tetapi yang bukan warga negara, kalau kita tolak individu di depoh tahanan imigresen (DTI) dan kes import, kita dapati kawalan masih dalam lingkungan 0.3 peratus dan ia terus dipantau,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, fokus KKM untuk mengawal penularan jangkitan ketika ini terarah kepada individu bukan warga negara dengan meneliti isu dan kekangan dihadapi mereka.

Katanya, ia antara lain merangkumi aspek penginapan dan persekitaran pekerjaan, selain kerjasama majikan untuk mendidik mereka mengenai kepentingan mematuhi SOP pada setiap masa.

“Ini yang penting, kalau rakyat tempatan dan bukan warga negara dapat bekerjasama, maka tidak mustahil untuk kita putus rantai jangkitan COVID-19,” katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 3A

RUANGAN : LOKAL


Harian Metro | Isnin 01.06.2020

@hmetrotry Facebook HarijanMetro Twitter @hmetrotry www.hmetro.com.my 3

lokal

LAPORAN KLUSTER COVID-19 DI MALAYSIA (sehingga 31 Mei 2020)

KLUSTER	NEGERI	DAERAH	KES BAHARU	JUMLAH KES	JUMLAH KES AKTIF (ICU)	JUMLAH KES SEMBUH	BUKAN WARGA NEGARA	JUMLAH KES MENINGGAL	KLUSTER	NEGERI	DAERAH	KES BAHARU	JUMLAH KES	JUMLAH KES AKTIF (ICU)	JUMLAH KES SEMBUH	BUKAN WARGA NEGARA	JUMLAH KES MENINGGAL
1 DTI Sepang	Selangor	Sepang	24	60	60 (0)	0	60	0	16 Petugas Kesihatan Kuching	Sarawak	Kuching	0	68	1 (0)	67	0	0
2 Ladang di Bera	Pahang	Bera	7	7	7 (0)	0	7	0	17 DTI Semenyih	Selangor	Hulu Langat	0	66	66 (0)	0	65	0
3 Kilang papan di Maran	Pahang	Maran	6	6	6 (0)	0	6	0	18 Kejuruteraan	Pahang	Kuantan	0	65	4 (1)	61	0	0
4 Syarikat pembinaan di Maran	Pahang	Maran	2	2	2 (0)	0	2	0	19 Tapak Pembinaan KL 2	WPKL & Putrajaya	Lembah Pantai	0	61	55 (0)	6	60	0
5 Kg Sungai Lui	Selangor	Hulu Langat	1	209	38 (0)	171	197	0	20 Madrasah Ayer Merbau	Melaka	Jasin	0	41	0 (0)	41	0	0
6 Pudu	WPKL & Putrajaya	Cheras & Lembah Pantai	1	76	32 (0)	44	74	0	21 Sub-Kluster SP Kuching (BDC)	Sarawak	Kuching, Samarahan & Simunjan	0	41	0 (0)	39	1	2
7 DTI Bukit Jalil	WPKL & Putrajaya	Cheras	0	283	282 (0)	1	283	0	22 Pengawal Keselamatan Cheras	WPKL & Putrajaya & Selangor	Cheras, Titiwangsa & H Langat	0	39	19 (0)	20	36	0
8 Pesantren	Melaka, N Sembilan, Sarawak, Selangor & WPKL & Putrajaya	Pelbagai	0	238	28 (0)	210	0	0	23 Tapak Pembinaan KL	WPKL & Putrajaya	Titiwangsa	0	31	1 (0)	30	31	0
9 Pedas	Negeri Sembilan & Melaka	Seremban, Rembau, Port Dickson & Alor Gajah	0	219	79 (0)	140	206	0	24 Pasar Besar Jalan Othman	WPKL & Putrajaya, Selangor	Kepong, Gombak & Petaling	0	28	0 (0)	28	21	0
10 Pasar Borong KL	WPKL & Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan & Pahang	Pelbagai	0	204	17 (0)	186	145	1	25 Syarikat Pembersihan	Selangor & Negeri Sembilan	Kuala Langat & Seremban	0	24	24 (0)	0	24	0
11 Persidangan Gereja	Sarawak	Kuching, Samarahan & Serian	0	191	10 (0)	178	1	3	26 Kampung Baru	WPKL & Putrajaya	Titiwangsa	0	24	1 (0)	22	13	1
12 Selangor Mansion	WPKL & Putrajaya	Lembah Pantai	0	179	24 (0)	155	162	0	27 Tapak Pembinaan Setia Alam	Selangor	Petaling	0	15	3 (0)	12	15	0
13 Sendayan	Negeri Sembilan	Seremban	0	112	10 (0)	101	2	1	28 Malayan Mansion	WPKL & Putrajaya	Lembah Pantai	0	13	1 (0)	12	11	0
14 Pasar Chow Kit	WPKL & Putrajaya & Selangor	Titiwangsa, Gombak & Hulu Langat	0	90	10 (0)	80	74	0	29 Berus	Pahang	Bentong	0	5	5 (0)	0	5	0
15 Madrasah Sungai Salan	Pahang	Jerantut	0	85	3 (0)	82	15	0	30 Pasar Kajang	Selangor	Hulu Langat	0	5	5 (0)	0	3	0
									31 Madrasah Solok Duku	Melaka	Alor Gajah	0	4	0 (0)	4	0	0
									32 IPT Sabah	Sabah	Kota Kinabalu	0	3	0 (0)	3	0	0
									33 DTSI Putrajaya	WPKL & Putrajaya	Putrajaya	0	2	2 (0)	0	2	0



1. Kluster Seksyen 6 Bandar Baru Bangi
2. Kluster Warga Emas (pusat jagaan warga emas)
3. Kluster Bandar Baru Bangi (Majlis Perkahwinan)
4. Kluster Selayang (Pasar Harian)
5. Kluster Rembau
6. Kluster Tabligh Pakistan
7. Kluster Petugas Kesihatan Sungai Buloh
8. Kluster Pekan
9. Kluster Kilang Pasir Gudang
10. Kluster BBIM
11. Kluster Tabligh Makassar Sabah
12. Kluster Pengerang
13. Kluster Istana Negara
14. Kluster Menara Plaza City One
15. Kluster Flat PKNS
16. Kluster Petugas Kesihatan Sabah
17. PUI Itali Sarawak
18. Tahfiz Lanchang
19. Selayang Baru

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7A

RUANGAN : LOKAL

Perokok 17% lebih berisiko

3 kesan utama jika dijangkiti virus Covid-19

Oleh Saipul Adli Mohamad, Suraya Roslan dan Raja Noraina Raja Rahim
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Perokok yang dijangkiti Covid-19 mempunyai komplikasi kesihatan 17 peratus lebih tinggi berbanding pesakit yang tidak merokok.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat juga tiga kesan utama jika perokok dapat Covid-19.

Pertama, kerosakan paru-paru yang boleh mendatangkan kematian, katanya.

"Ini kerana kerosakan



paru-paru dan jika mereka ada radang paru-paru boleh mengakibatkan komplikasi berakhir dengan kematian. Kedua, daripada segi protein pembekuan darah dalam saluran darah dan ketiga adalah ketahanan tubuh iaitu imuniti juga akan berkurang bagi pesakit yang merokok," katanya dalam sidang media

harian di Putrajaya, semalam.

Menurutnya pihaknya berharap kesempatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mungkin satu kaedah untuk mereka berhenti mengamalkan tabiat merokok itu.

"Amalan merokok daripada dulu sampai sekarang kita tidak menggalakkan dan kalau boleh rakyat Malaysia patut berhenti.

"Mungkin kesempatan PKP dan PKPB adalah masa sesuai untuk berhenti kerana kedai tidak menjual rokok tetapi kebanyakan sekarang (membeli) menggunakan platform e-dagang," katanya.

Harap tiada peningkatan mendadak kes pasca raya

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah menjangkakan tiada peningkatan mendadak kes Covid-19 pada minggu depan selepas 14 hari sambutan perayaan Aidilfitri.

Beliau berkata, jika jangkannya itu tepat, ia membuktikan rakyat Malaysia mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketika meraikan perayaan berkenaan.

"Kalau kita lihat kepada trend setakat ini dah lapan hari kita meraikan Hari Raya Aidilfitri dan tiada peningkatan kes.

"Ini menunjukkan kepantasan rakyat Malaysia ke-

pada SOP. Kita jangkakan minggu depan pun mungkin tidak ada kes mendadak selepas hari raya," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, jika tiada peningkatan kes dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia memberi kelonggaran kepada sektor lain beroperasi termasuk kaunter pendaftaran.

Bagaimanapun, katanya, KKM menggalakkan kaunter pendaftaran di semua jabatan menyediakan perkhidmatan secara dalam talian bagi mengelak penularan jangkitan Covid-19.

Ditanya mengenai garis

panduan kepada institut latihan memandu yang dibenarkan beroperasi semula mulai hari ini, beliau berharap pihak terbabit dan orang ramai mematuhi SOP ditetapkan.

"Mereka yang perlu mengambil lesen (latihan memandu) kena patuh SOP iaitu penjarakan sosial, menggunakan pelitup muka dan mencuci tangan.

"SOP itu dah ada, jadi kita kena kerap disinfeksi tempat awam dan tempat yang kerap digunakan seperti kenderaan," katanya.

Menurutnya, pematuhan itu penting bagi memutuskan rantaian jangkitan Covid-19 di negara ini.

3 kluster baharu di Pahang

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan tiga kluster Covid-19 baharu di Pahang membabitkan pekerja asing.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ketiga-tiga kluster berkenaan mengakibatkan 15 warga asing yang dijangkiti wabak itu.

"Kluster terbabit adalah sebuah ladang di Bera, kilang papan di Maran dan

syarikat binaan di Maran.

"Kluster ladang membabitkan tujuh kes baharu manakala kilang papan dikesan ada enam kes dan syarikat pembinaan pula dikesan dua kes," katanya pada sidang media harian Covid-19 di sini, semalam.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, kluster Depoh Tahanan Imigresen (DTI) Sepang turut mencatatkan pertambahan 24 kes baharu menjadikan keseluruhan 60 kes.

Menurutnya, semua kes positif itu membabitkan warganegara asing.

"Kluster lain masih aktif di Malaysia adalah Kampung Sungai Lui iaitu terdapat pertambahan satu kes baharu menjadikan keseluruhan 209 kes.

"Kluster Pudu ada pertambahan satu kes menjadikan jumlah keseluruhan 76 kes," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kluster lain tidak merekodkan pertambahan kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

10



oleh NURUL HUDA HUSAIN dan RAIHAM MOHD SANUSI

MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • ISIN 1 JUN 2020

#RantainKasih

Tiga kluster baharu di Pahang

Libatkan kilang papan, syarikat pembinaan di dua daerah

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam mengenal pasti tiga lagi kluster baharu jangkitan wabak koronavirus (Covid-19) di Pahang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tiga kluster itu melibatkan kilang papan dan syarikat pembinaan masing-masing di Maran dan ladang di Bera.

Menurutnya, kesemua kes yang dikesan positif wabak Covid-19 adalah di ketiga-tiga kluster tersebut melibatkan pekerja warga asing.

"Ladang di Bera merekodkan tujuh kes positif, kilang papan di Maran sebanyak enam kes dan syarikat pembinaan di Maran melibatkan dua kes.

"Kesemua 15 kes yang dikesan positif itu melibatkan bukan warga-negara," katanya pada sidang akhbar mengenai situasi semasa jangkitan Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, kes positif dikesan melibatkan ketiga-tiga kluster itu selepas Pejabat Kesihatan menjalankan persampelan secara rawak.

"Sebahagian tindakan Pejabat Kesihatan untuk melaksanakan persampelan secara rawak dan kita dapat ada yang positif.

"Bila ada kes positif, kita segera lakukan pengesanan kes dan mereka yang didapati positif diasingkan dan diberi rawatan," katanya.

Katanya, punca dan jangkitan sebenar masih lagi disiasat.



DR NOOR HISHAM

Tiga kluster itu melibatkan kilang papan dan syarikat pembinaan masing-masing di Maran dan ladang di Bera."

Hanya empat kes penularan tempatan

PUTRAJAYA - Malaysia merekodkan hanya empat kes penularan tempatan wabak koronavirus (Covid-19) sekali gus menjadi angka satu digit terendah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, empat kes tersebut antara 57 kes baharu yang direkodkan semalam.

Menurutnya, dengan pertambahan itu, menjadikan jumlah kumulatif kes positif wabak tersebut di negara ini meningkat kepada 7,819 kes.

"Daripada 57 kes baharu yang direkodkan hari ini (semalam), 10 merupakan kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Sejumlah 43 kes melibatkan bukan warga-negara di mana 23 daripadanya adalah di Depot Tabanan Imigresen (DTI) Sepang.


"Penularan tempatan yang melibatkan rakyat Malaysia hanya empat kes," katanya pada sidang akhbar mengenai situasi semasa jangkitan Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, terdapat 23 kes pulih dan dibenarkan discaj menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih kini meningkat kepada 6,353 orang.


"Dimaklumkan juga tiada kematian baharu direkodkan menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat Covid-18 kekal 115 orang," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 7,762 kes kepada 7,819 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	7,819	PULIH:	6,353	ICU:	9	KEMATIAN:	115	KES BAHARU	+57
---------------------	-------	--------	-------	------	---	-----------	-----	------------	-----



AKHBAR : SINAR HARIAN


MUKA SURAT : 11

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • ISIN 1 JUN 2020

#RantainKasih

MEMERANGI WABAK COVID-19



Salam Syawal
RantainKasih
Sinar

11

Perokok mudah dijangkiti Covid-19

KKM sahkan kesan merokok melemahkan imuniti manusia

Oleh NURUL HUDA HUSAIN dan
RAIHAM MOHD SANUSI

PUTRAJAYA

Risiko jangkitan wabak koronavirus (Covid-19) didapati boleh meningkat akibat tabiat merokok.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia kerana merokok terbukti mengakibatkan pelbagai jenis penyakit serta boleh melemahkan imuniti manusia.

Menurutnya, keadaan itu sekali gus meningkatkan risiko jangkitan bakteria dan virus termasuk wabak Covid-19.

“Penelitian dan analisis awal berkaitan sejarah merokok dan faktor risiko penyakit tidak berjangkit yang telah dijalankan ke atas 86 daripada jumlah pesakit Covid-19 yang telah meninggal dunia di Malaysia, didapati 19.8 peratus (17 orang) adalah terdiri daripada golongan perokok.

“Analisis juga mendapati bahawa bagi kes kematian Co-



FOTO: IHSANI ASTROAWANI

Sejumlah 19.8 peratus rakyat Malaysia yang meninggal dunia akibat dijangkiti Covid-19 adalah golongan perokok.

vid-19 yang tidak mempunyai sejarah penyakit kronik tetapi merokok, jumlah kematiannya adalah lebih tinggi berbanding kes kematian Covid-19 yang bukan perokok atau 17.6 peratus berbanding 12.1 peratus,” katanya pada sidang akhbar mengenai situasi semasa jangkitan Covid-19 di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kenyataan sama turut dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) baru-baru ini.

“WHO melalui kenyataan yang dikeluarkan pada 27 Mei 2020 dan disokong dengan beberapa kajian yang dijalankan di luar negara mendapati golongan perokok berisiko tinggi mendapat komplikasi yang le-

bih teruk jika dijangkiti virus Covid-19.

“Covid-19 adalah penyakit berjangkit yang menyerang terutamanya paru-paru. Merokok merosakkan fungsi paru-paru, justeru menjadikan badan kita lebih sukar untuk melawan koronavirus dan penyakit-penyakit lain,” katanya.

Dalam pada itu, tembakau didapati telah membunuh lebih daripada lapan juta orang di seluruh dunia setahun.

Katanya, daripada jumlah itu, lebih tujuh juta kematian disebabkan penggunaan tembakau secara langsung dan sekitar 1.2 juta disebabkan oleh bukan perokok yang terdedah kepada asap rokok terpakai.

118 laman web lakukan kesalahan berkaitan penjualan rokok

PUTRAJAYA - Sebanyak 118 laman web termasuk e-dagang dan media sosial didapati melakukan kesalahan berkaitan penjualan rokok sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia hasil pemantauan berterusan yang dilaksanakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di platform berkeajaan dan tindakan juga telah diambil ke atas mereka yang terlibat.

“Walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKPB, kebanyakan premis penjualan tidak beroperasi seperti dahulu, namun penjualan dalam talian masih giat berjalan misalnya melalui platform e-dagang.

“Kesalahan penjualan dalam talian dan kesalahan penjualan produk yang me-

ngandungi nikotin ialah masing-masing dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembaku 2004 dan Akta Racun 1952,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, KKM juga prihatin terhadap golongan perokok yang ingin berhenti merokok, namun terbatas dengan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa.

Dr Noor Hisham berkata, KKM dengan kerjasama Persatuan Farmasi Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menyediakan perkhidmatan kaunseling berhenti merokok dalam talian.

“Seramai 400 orang perokok telah mendaftar bagi mendapatkan bantuan berhenti merokok dalam talian dan lebih 5,000 orang telah melayari laman web, www.jomquit.moh.gov.my,” katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS



Shoppers walking around the Bukit Bintang area in Kuala Lumpur yesterday. Experts say many Malaysians have adapted to the new norms. BERNAMA PIC

'Asymptomatic Covid-19 patients have low chance of infecting others'

PUTRAJAYA: Covid-19-positive individuals who are asymptomatic do not have the potential to infect others because they have a low "virus load" compared with those who are symptomatic, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

However, he said, infectivity could occur two days before an affected individual showed symptoms.

"So we need to differentiate that the ones without symptoms do not have any problems as there's no infectivity. But we found that those with symptoms could infect others two days before having those symptoms," he said at his daily press conference yesterday, according to Bernama.

He said the first week of being symptomatic was when the virus was active enough in a patient to infect others, but if the individual

was isolated for between eight and 10 days, or 14 days as is being done by the government, the infectivity rate could be reduced to almost zero.

"For those who are asymptomatic, perhaps they won't be able to infect others within 14 days. But infection can happen two days before the symptomatic period. So if we isolate them, we can break the Covid-19 chain of transmission."

He said the Health Ministry would today share its model on the projection for Covid-19 cases in the past month, the present and the future.

"For cases involving Malaysians, we found that there was adherence to the standard operating procedures (SOP), and when we comply with the SOP, it means the R-nought (RO) is less than 0.3 per cent," he said. RO refers to the infectivity rate.

"But for non-Malaysians, if we minus the Immigration detention depot and import cases, we find that the RO is still about 0.3 per cent. We are monitoring daily the development among Malaysians and non-Malaysians."

He said there were six active Covid-19 clusters.

He said besides the three new clusters discovered in Maran and Bera in Pahang, the others were in Sepang (Sepang Immigration Detention Depot), Hulu Langat (Kampung Sungai Lui) and Pudu.

Up to noon yesterday, 57 new cases were recorded, bringing the tally of infections to 7,819. Of the 57 cases, 10 were imported and 47 were local transmissions.

Dr Noor Hisham said the total number of active cases was 1,351. No new deaths were recorded.

He said the death rate among smokers infected with Covid-19

was higher than non-smokers.

He said based on a study by the Health Ministry on smoking history and risk of non-communicable diseases involving 86 patients who died from the coronavirus, it was found that 19.8 per cent, or 17 of them, were smokers.

"The same analysis also found that death due to Covid-19 among those without any chronic illness but with a history of smoking stood at 17.6 per cent, compared with 12.1 per cent for non-smokers."

He said smoking would lead to various diseases and could weaken the immune system, subsequently increasing the risk of bacterial and virus infections, especially during the Covid-19 outbreak.

He said for those who wanted to seek help to quit smoking but could not do so due to the CMCO, the ministry had set up an online

counselling service.

The service is a joint initiative with the Malaysian Pharmaceutical Society, International Islamic University Malaysia and Universiti Kebangsaan Malaysia.

"Those seeking help to quit smoking can visit www.jomquit.moh.gov.my."

He said during the Movement Conditional Order and Conditional Movement Control Order, about 400 smokers had registered online to seek help to quit smoking and more than 5,000 people had visited the website.

He said the figures showed that there was an increase in awareness among smokers of the risk of smoking.

"We hope that more will come forward and take action for the sake of their health and their loved ones, especially the elderly and children."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Three new clusters in Pahang

Health DG: Cases detected involving 15 foreign workers

By RASHVINJEET S. BEDI
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Three new clusters of Covid-19 cases in Pahang have been detected, involving 15 foreign workers, says Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

He said seven cases were detected at a plantation in Bera, six at a sawmill and two at a construction company in Maran.

These cases were detected after the Pahang Health Department carried out surveillance and active case detection in the state, he said.

The 15 cases were among the 57 new cases reported in the country yesterday.

Dr Noor Hisham said these included 10 imported cases, while four were local transmissions.

Another 24 cases were detected at the Sepang Immigration Detention Centre, making it a total of 60 cases there or 4.1% of all the samples taken.

There have been 283 cases detected at the Bukit Jalil detention centre or 18.3% of all samples taken while there were 66 cases at the Semenyih detention centre.

Only two positive cases have been detected at the temporary Immigration centre in Putrajaya out of the 101 samples taken.

"We are still doing our investigations on the source of the outbreak.

"What is important is the cases have been detected and those infected have been isolated for treatment," he said during his daily press briefing on the Covid-19 situation yesterday.



Latest numbers:
Dr Noor Hisham at the daily press briefing on Covid-19.

The country saw no Covid-19 deaths for the ninth consecutive day, keeping the death toll at 115.

Dr Noor Hisham also said 23 more patients had been discharged, meaning 6,353 patients have recovered from Covid-19 in the country since the outbreak began.

Malaysia's Covid-19 recovery rate is now at 81.25% out of the total number of positive cases.

There are now 1,351 active cases being treated at the country's health facilities at present.

Currently, nine patients are in intensive care units (ICU), with two of them on ventilator support.

Dr Noor Hisham also said that 17 or 19.8% of 86 of those who died of Covid-19 were smokers.

"The smoking habit has been proven to cause many diseases as well as weaken the immunity of people, raising the risk of bacterial and viral infections," he said.

He said smoking impaired lung function, resulting in them being less resistant to the coronavirus and other diseases.

He said that during the movement control order (MCO), the ministry took action on 118 individuals who sold cigarettes on e-commerce websites, as this was against the Control of Tobacco Product Regulations 2004 and the Poisons Act 1952.

Dr Noor Hisham said the ministry was working with the Pharmaceutical Association of Malaysia and several local universities to provide online counselling to those who wanted to stop smoking.

Dr Noor Hisham said that since the MCO started on March 18, a total of 400 smokers had registered to get help to stop smoking while more than 5,000 people had visited www.jomquit.moh.gov.my.

"This shows that there is increasing awareness, especially among smokers, of the health dangers that result from smoking," he said.

Watch the video
thestartv.com



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

Don't let your guard down, Sabahans reminded

KOTA KINABALU: The state Health Department has cautioned about a spike in Covid-19 cases in Sabah if the people do not continue with social distancing rules and hygiene practices.

Its director Datuk Dr Christina Rundi said there had been a slowing down in infections due to public

cooperation in practising these new norms.

"However, this does not mean we are safe and we can let our guard down because if we stop practising these safety measures, the cases will increase again," she said in a statement yesterday.

Dr Rundi said there were still

sporadic cases which showed that the virus was present in the community.

Although the people might still find it hard to cope under these new norms, she said they would get used to it eventually.

Dr Rundi also reminded Kaamatan celebrants to be thankful

for what they have and to appreciate those who have been fighting against the pandemic.

"Let us take care of each other and our surroundings by maintaining cleanliness at all times, and to stay united," she said.

Sabah's Covid-19 cases remain at 346 as of May 30.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Four locals among 57 new Covid-19 cases

PETALING JAYA: The number of new Covid-19 cases among Malaysians has gone down to a trickle.

As of noon yesterday, there were only four new cases among locals infected through domestic transmission.

There were 57 new cases yesterday, 10 of which were imported. The remaining 43 who tested positive for the infection were foreigners who were working and residing in the country.

With the additional 57 new cases, the total number of Covid-19 infections has reached 7,819, Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said at his daily media briefing on the pandemic yesterday.

Of the 43 foreigners, he said 23 were from the Immigration Detention Depot in Sepang. Another 15 were found in existing clusters in Sungai Lui, Pudu and Klang.

Noor Hisham said the 15 were screened and confirmed positive while they were in the process of being transferred to the detention depot.

He said nine more patients remain in intensive care but only two required ventilator support.

Apart from these, another 1,351 patients are still being treated.

Yesterday, 23 patients were discharged from hospital, bringing the total number of those who have recovered to 6,353.

Given that there were no fatalities for the eighth day running, the death toll remains at 115. – *By Alisha Nur Mohd Noor*